

# Sarawak perlu 60 mesin dialisis baharu

**SAMARAHAN:** Kekurangan mesin dialisis bagi membantu pesakit buah pinggang menjalani rawatan dilihat tidak selari dengan pertambahan bilangan pesakit saban tahun.

Timbalan Premier Sarawak, Dato Sri Dr. Sim Kui Hian berkata Sarawak masih memerlukan sekurang-kurangnya 60 mesin dialisis baharu bagi menampung keperluan pesakit buah pinggang yang perlu menjalani rawatan hemodialisis pada setiap minggu.

"Jumlah pesakit yang memerlukan mesin dialisis di Sarawak kian meningkat saban tahun.

"Jumlah pesakit baharu yang didiagnosis dengan kegagalan buah pinggang adalah sebanyak 750 orang setiap tahun manakala jumlah pesakit yang meninggal adalah 300 lebih orang pesakit setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Perasmian Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang

Kebangsaan (NKF) dan Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS) di sini, semalam.

Tambahnya, dengan adanya pusat dialisis di bawah kementeriannya, pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Sarawak telah memberi peluang kedua kepada lebih 4000 pesakit buah pinggang untuk mendapatkan rawatan.

Untuk rekod, Pusat Dialisis NKF-KAS Kota Samarahan merupakan cawangan ketiga di Sarawak yang menempatkan seramai 55 pesakit mendapatkan rawatan dialisis di pusat berkenaan.

Difahamkan, pusat tersebut memiliki 10 mesin dialisis, empat jururawat, tiga pembantu dialisis dan seorang pentadbir untuk membantu dalam proses rawatan kepada pesakit.

Hadir sama, Presiden KAS Dato Sri JC Fong dan Pengerusi NKF Dato Dr Zaki Morad Mohd Zaher.